

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

9. Aktiviti sukan olahraga dan sukan padang tidak harus dipandang sepi bagi melahirkan rakyat yang sihat, cergas dan cerdas. Peringkat umur dari sekolah rendah, menengah hingga dewasa agak sukar untuk menjalankan aktiviti tersebut tanpa Stadium Mini di Daerah Barat Daya.
 - (a) Adakah perkara ini tiada langsung dalam perancangan Kerajaan Negeri?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. (a) Pada masa kini, Kerajaan Negeri belum ada perancangan untuk membina stadium mini di Daerah Barat Daya. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dibawa ke perhatian Pihak Berkuasa Negeri untuk dibuat kajian dan pertimbangan selanjutnya.

Kerajaan Negeri senantiasa melaksanakan pelbagai usaha untuk mengoptimumkan penggunaan kemudahan-kemudahan sedia ada bagi menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat Pulau Pinang, contohnya untuk sukan olahraga trek dan padang, selain tumpuan kepada penggunaan trek dan balapan di Stadium Bandaraya, galakan kepada penggiat sukan untuk turut sama menggunakan padang-padang awam dan padang-padang sekolah sebagai

lokasi latihan untuk sukan ini turut disarankan sepenuhnya berdasarkan kesesuaian kepada acara-acara dalam sukan tersebut yang tidak bersandarkan kepada keperluan untuk menggunakan gelanggang-gelanggang yang spesifik.

Selain itu, Kompleks Sukan Balik Pulau milikan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) boleh diguna pakai oleh orang ramai untuk aktiviti sukan olahraga dan sukan padang serta sukan dalaman.

Terdapat juga beberapa gelanggang futsal yang telah disediakan di Daerah Barat Daya iaitu di Sungai Batu, Sungai Ara, Bukit Gedung, Teluk Bahang dan Titi Teras. Di samping itu, terdapat juga beberapa kemudahan sukan lain yang turut disediakan termasuk gelanggang sepak takraw dan padang bola.

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menambah baik kemudahan untuk memudahkan masyarakat beriadah di Daerah Barat Daya. Kemudahan-kemudahan ini boleh dimanfaatkan untuk aktiviti riadah dan pembangunan olahraga selain menggalakkan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat.